

Rangkaian Asia-Pasifik bagi Penyelidikan Perubahan Global (APN) merupakan jaringan **22** negara ahli di rantau Asia-Pasifik untuk membolehkan negara-negara di rantau ini mengutarakan sepenuhnya cabaran-cabaran perubahan global melalui strategi tindakbalas dan langkah-langkah yang berdasarkan sains, hubungan sains dan polisi yang berkesan serta pembangunan kapasiti saintifik.

Matlamat

Menyokong kerjasama serantau dalam penyelidikan perubahan global terutamanya bagi isu-isu yang berkaitan dengan rantau itu



Mengukuhkan interaksi di antara saintis dan penggubal dasar, serta membekalkan input saintifik kepada pembuat keputusan dasar dan maklumat saintifik kepada orang awam



Menambahbaik keupayaan saintifik dan teknikal negara-negara serantau, termasuk pemindahan pengetahuan dan teknologi




Agenda Sains Tema-Tema Saintifik

- Perubahan Iklim dan Keragaman Iklim
- Ekosistem, Biodiversiti dan Penggunaan Tanah
- Perubahan di dalam domain Atmosfera, Daratan dan Marin
- Penggunaan Sumber-Sumber dan Hala-Tuju Pembangunan Lestari

APN turut menyokong penyelidikan isu-isu rentasan, hubungkait sains-polisi dan dimensi manusia dalam perubahan global



Struktur



Struktur APN terbina menerusi mesyuarat tahunan bersama di antara penggubal-polisi (**IGM**) dan saintis (**SPG**). IGM ialah badan pembuat keputusan bagi APN dan meluluskan program kerja dan belanjawan tahunan, termasuk aktiviti penyelidikan saintifik, pembangunan kapasiti dan aktiviti berkaitan berdasarkan syor-syor oleh SPG. **SC** merupakan teras aktiviti APN yang berfungsi sebagai badan pelaksana dan pentadbir semasa sesi-sesi antara IGM. **Sekretariat** APN membekalkan sokongan profesional sepenuh masa.

Untuk melaksanakan keputusan IGM, APN mendapatkan nasihat pakar-pakar dari **CDC** dan **SPG-SC** yang mana mereka turut mengulas agenda penyelidikan saintifik & kapasiti serta cadangan-cadangan penyelidikan yang dihantar untuk pemberian APN dan selanjutnya untuk pertimbangan oleh SPG. **APN membiayai penyelidikan serantaunya (ARCP) and program pembangunan kapasiti (CAPABLE) berdasarkan dua panggilan terbuka tahunan bagi cadangan-cadangan penyelidikan.**



Agenda Institusi

- Mengukuhkan penglibatan negara-negara ahli dalam aktiviti APN
- Menyusun aktiviti dengan program komuniti perubahan global
- Melaksanakan Strategi Pembangunan Sumber
- Membangunankan medium komunikasi baru, menganjur aktiviti penyampaian, menubuhkan/mengukuhkan kerjasama, dan meningkatkan halatuju APN
- Membangunkan mekanisma untuk mengukuhkan penglibatan negara bukan ahli dan organisasi lain dalam aktiviti APN serta meningkatkan penyusunan institusi.

WWW.apn-gcr.org